

Elak ringgit terus jatuh

SAUDARA PENGARANG,

PADA 19 Disember lalu, nilai ringgit telah mencecah paras terendah sejak krisis kewangan Asia pada 1998 iaitu RM4.48 bagi setiap dolar Amerika Syarikat (AS).

Nilai ringgit telah menyusut sebanyak tiga peratus berbanding dengan kadar tukaran purata bulanan pada Januari 2016, iaitu RM4.35 bagi setiap dolar AS.

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani yang mengulas perkara itu, menegaskan kerajaan tidak akan melaksanakan sebarang pakej rangsangan ekonomi untuk memastikan ringgit kembali pulih sebaliknya meminta semua pihak tidak panik dalam menghadapi situasi berkenaan.

Tambah beliau, Malaysia memiliki ekosistem dalam membantu membawa ringgit kembali ke paras asal seperti kestabilan politik dan polisi kerajaan yang memudahkan kemasukan pelabur asing.

Saya bersetuju dengan pandangan Johari bahawa rakyat tidak perlu panik dengan situasi itu tetapi kita perlu bimbang jika tiada usaha-usaha ke arah pemulihan ringgit dilakukan.

Kejatuhan ringgit memberi implikasi yang signifikan kepada ekonomi Malaysia khususnya dalam meningkatkan beban kos sara hidup rakyat.

Bebanan kos sara hidup yang dirasakan oleh isi rumah masa kini adalah akibat daripada pergerakan tingkat harga yang meningkat lebih tinggi berbanding dengan peningkatan kadar upah. Hal ini menyebabkan isi rumah terpaksa berbelanja lebih tinggi untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.

Analisis pelbagai pihak

Jangan panik, ringgit mampu pulih - Johari

Oleh ZUNAIDAH ZAINON
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 19 Dis. - Kerajaan tidak akan melaksanakan sebarang pakej rangsangan ekonomi untuk memastikan ringgit kembali pulih sebaliknya meminta semua pihak supaya tidak panik dalam menghadapi keadaan pasaran kewangan yang tidak menentu ketika ini.

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, ini kerana Malaysia memiliki ekosistem seperti kestabilan politik dan polisi yang dilaksanakan kerajaan untuk memudahkan pelabur asing dalam membantu membawa ringgit kembali ke paras asal.



Tiada keperluan untuk melaksanakan kawalan modal mahupun tambahan ringgit sebaliknya membenarkan aliran keluar masuk wang memandangkan Malaysia adalah sebuah negara ekonomi terbuka sekali gus dapat memastikan pelabur kembali kepada pasaran apabila keadaan pulih.

KERATAN Utusan Malaysia 20 Disember 2016.



Ada faktor lain selain daripada harga minyak mentah dunia yang mempengaruhi pergerakan ringgit.

sebelum ini mendapati 53 peratus daripada peningkatan harga dalam ekonomi disumbang oleh peningkatan harga makanan (termasuk minuman tidak beralkohol).

Penyusutan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS akan meningkatkan harga makanan akibat daripada peningkatan harga bahan mentah yang diimport.

Secara purata, bagi setiap ringgit keluaran makanan yang diproses, 11 sen mengandungi bahan mentah yang diimport, manakala bagi setiap ringgit keluaran makanan yang tidak diproses seperti sayur dan buah-buahan, 28 sen mengandungi bahan mentah yang diimport.

Pengeluar makanan berkemungkinan boleh menyerap kenaikan harga bahan mentah yang diimport jika nilai penyusutan ringgit hanyalah bersifat sementara.

Situasi nilai tukaran ringgit yang melebihi paras RM4 bagi setiap dolar AS sejak Januari lalu tidak memberi banyak pilihan kepada pengeluar selain menaikkan harga barangan.

Ada yang berpendapat pergerakan ringgit dipengaruhi oleh pergerakan harga minyak mentah dunia. Memang benar nilai ringgit menyusut seiring dengan penurunan harga minyak mentah dunia pada peringkat awal. Tetapi jika dilihat kepada perkembangan semasa, pergerakan ringgit tidak lagi mempunyai hubungan kait dengan perubahan harga minyak mentah dunia.

Contohnya, harga purata minyak dunia telah meningkat daripada AS\$26.50 setong pada Januari 2016 kepada AS\$51.16 setong pada Disember 2016.

Sebaliknya nilai purata tukaran ringgit menyusut

rendah pada RM4.4805 berbanding dolar AS.

Semasa penutupan pada Jumaat lalu, ringgit berada pada paras RM4.4775 berbanding dolar AS, sekali gus mengatasi paras RM4.4770 yang dicatatkan pada September 2015 yang pada waktu itu dianggap paras terendah mata wang Malaysia sejak 1998.

Pengerusi Rizab AS, Janet Yellen mengumumkan kenaikan kadar faedah itu awal pagi 15 Disember lalu dan turut mengejutkan kebanyakan pemerhati pasaran dengan membayangkan tiga kali kenaikan pada tahun depan. Kali terakhir kadar rizab AS dinaikkan ialah pada 2008.

Utusan Malaysia

daripada RM4.35 kepada RM4.45 bagi setiap dolar AS dalam tempoh sama.

Ada faktor lain selain daripada harga minyak mentah dunia yang mempengaruhi pergerakan ringgit. Keyakinan pelabur terhadap pasaran ringgit perlu dilihat secara serius.

Urus tadbir negara dan beberapa isu negatif lain berkemungkinan mempengaruhi persepsi pelabur luar ke atas pasaran ringgit.

Justeru, penyusutan nilai ringgit yang berterusan jika tidak dibendung boleh memberi kesan negatif kepada kos sara hidup isi rumah.

Ditambah pula dengan struktur pasaran pertanian yang bersifat oligopoli (bilangan syarikat yang terlalu sedikit) yang turut mempengaruhi harga melalui kawalan secara tidak langsung ke atas rantaian bekalan bahan mentah.

DR. MOHD. YUSOF SAARI

Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM)